

Program PIMPIN Manfaatkan Warga UMP dan Masyarakat Setempat

Kuantan, 31 Januari - Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan meneruskan beberapa siri program Anda Tanya Ustaz Jawab pada setiap bulan mulai Februari depan yang diadakan secara bergilir di kedua-dua kampus UMP Pekan dan Gambang bagi meningkatkan pemahaman dan ilmu pengetahuan tentang kemusykilan agama, isu-isu semasa, soal dan jawab serta mewujudkan bank soalan yang dapat dijadikan sumber rujukan dalam kalangan warga universiti serta dikongsi bersama masyarakat.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, pihaknya bertanggungjawab menjalankan program pembangunan insan di kalangan warga UMP selaras dengan matlamat melahirkan modal insan yang seimbang dari sudut mental, fizikal, emosi dan rohani.

"Aktiviti lain yang dilaksanakan termasuklah berbentuk latihan, bengkel, seminar, kursus, ceramah dan sebagainya yang menjurus kepada pemantapan kefahaman Islam serta nilai-nilai murni universal dan penghayatannya di dalam kehidupan seharian," katanya.



Ujar beliau PIMPIN turut mengadakan program Jom Lepak@Masjid dan Kuliah Fiqh Wanita. Pihaknya turut merencana program-program berbentuk harian seperti Solat Jemaah dan Tazkirah. Manakala program penghayatan dan Sambutan Hari Kebesaran termasuklah Maulidurrasul, Isra' Mi'raj, Majlis Aqiqah dan Korban juga mendapat sambutan ramai dalam kalangan warga universiti.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Islam UMP, Ustaz Muhammad Sallehudin Md Derus berkata, program menganjurkan tazkirah selepas Solat Zohor misalnya juga diadakan setiap minggu bagi pemantapan rohani kita sebagai hamba Allah s.w.t. Solat berjemaah Zohor dan Asar turut diamalkan pada setiap hari.

Baru-baru ini juga PIMPIN turut menganjurkan tazkirah selepas Solat Zohor yang disertai penceramah jemputan, Pencetus Ummah Ustaz Abdul Hafiz Mat Radzi atau lebih dikenali sebagai PU Angah bagi berkongsi pengalamannya sepanjang beliau berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Mahkamah Rendah Syariah Pekan Pahang.

Merencanakan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa universiti, pusat ini menganjurkan program kebajikan dengan mengumpul sumbangan untuk didermakan di rumah-rumah anak yatim, pembinaan surau dan masjid serta saudara baharu juga komuniti orang asli.



Disediakan oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 31-01-2017, 16:36:47